

DATE: 9/3/2008

Najib kekal di Pekan

PEKAN 8 Mac - Datuk Seri Najib Tun Razak terus diberi mandat di Parlimen Pekan apabila memperoleh kemenangan lebih besar pada Pilihan Raya Umum Ke-12 berbanding 2004.

Najib mendapat 36,262 undi iaitu meningkat sebanyak 3,542 undi berbanding yang diperolehi pada Pilihan Raya Umum Ke-11 iaitu sebanyak 32,720 undi.

Pencabarnya daripada Parti Keadilan Rakyat (PKR), Khairul Anuar Ahmad Zainuddin hanya mendapat 9,798 undi.

Dengan itu, Najib dianggap mendapat majoriti paling besar pada pilihan raya kali ini iaitu 26,464 undi berbanding 22,922 undi pada 2004.

Najib yang ditemui pemberita di sini sebelum berlepas ke Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) berkata, beliau bersyukur dengan kemenangan itu dan berterima kasih dengan pengundi yang terus memberi kepercayaan kepadanya.

Menurutnya, segala khidmat bakti yang ditunjukkan oleh beliau telah di-

beri penghargaan oleh pengundi di Pekan.

"Pengundi telah menunjukkan jika kita berkhidmat dengan dedikasi, mereka akan menunjukkan apresiasi dalam pilihan raya," katanya.

Dalam pada itu, beliau menegaskan, Pekan masih kubu kuat bagi BN.

Sementara itu, keempat-empat calon Dewan Undangan Negeri (DUN) di Parlimen Pekan turut menyapu bersih kerusi yang dipertandingkan iaitu Khairuddin Mahmud untuk DUN Pulau Manis, Ibrahim Awang Ismail (DUN Peramu Jaya), Datuk Ishak Muhamad (DUN Bebar) dan Abu Bakar Harun (DUN Chimi).

NAJIB Tun Razak ditemani Rosmah Mansor menyapa warga emas, Jusoh Mohamed Salleh, 85, ketika melawat pusat mengundi di Sekolah Menengah Sains Sultan Ahmad Shah, Pekan, Pahang, semalam.

